

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 KEPENTINGAN PENTERJEMAHAN

Sejak dahulu manusia telah mula menterjemah. Penterjemahan dikatakan bermula sejak 5,000 tahun dahulu apabila manusia cuba berhubung dan berkomunikasi di antara satu sama lain, terutamanya di kalangan mereka yang terdiri dari kelompok-kelompok sosial yang berlainan. Kini, penterjemahan dilakukan bukan sekadar untuk berkomunikasi sahaja, malahan ianya juga berfungsi sebagai alat pembawa ilmu dan maklumat.

Banyak buku-buku ilmiah telah diterjemahkan. Kebelakangan ini sahaja, menurut laporan Index Translation (keluaran tahun 1984) terbitan UNESCO (badan yang menyenaraikan semua terjemahan yang dibuat di seluruh dunia tiap-tiap tahun), jumlah bahan-bahan teknik dan ilmiah telah mendahului jumlah bahan-bahan lain seperti sastera dan agama.

Kita perhatikan saja keberkesanan strategi yang digunakan oleh kerajaan Jepun dalam usaha mereka untuk mendapatkan ilmu dan pemodenan iaitu melalui penterjemahan. Ainon Muhammad, dalam kertas

kerjanya *Pembinaan Bahasa dan Pembangunan Negara* (1984) yang telah dibentangkan di Universiti Pertanian Malaysia ketika itu ada memetik, pada zaman pemerintahan Meiji, pemuda-pemuda yang pintar telah dipilih untuk dilatih di negara-negara Eropah. Di sana mereka mempelajari bahasa-bahasa asing khusus bertujuan untuk menterjemah ilmu-ilmu dari Barat ke dalam bahasa Jepun. Pemuda-pemuda ini dihantar ke Rusia untuk menterjemah buku-buku tentang peperangan dan ketenteraan, ke England untuk menterjemah buku-buku perkapalan, ke Perancis untuk menterjemah buku-buku falsafah dan ke Jerman untuk menterjemah buku-buku sains dan perubatan. Semenjak Perang Dunia II, negara Jepun telah menterjemahkan 150,000 tajuk buku daripada seluruh dunia. Dalam pada itu juga, pemerintahan Meiji telah menubuhkan sebuah biro terjemahan yang menjadi asal usul Universiti Imperial Tokyo pada hari ini. Hasil daripada tindakan agresif Meiji ini, maka terbinalah Jepun sebagai satu bangsa dan negara yang maju hanya dalam tempoh 50 tahun sahaja. Dan pada hari ini, berkat ketekunan orang Jepun mempelajari ilmu pengetahuan daripada buku-buku terjemahan tersebut, negara Jepun telah mendahului negara-negara Barat dalam penghasilan dan ciptaan barangan bermutu tinggi.

Penterjemahan merupakan agen pembawa masuk ilmu dan maklumat. Bagi sebuah negara yang sedang pesat membangun dan sedang berada di ambang pemodenan dan kemajuan seperti Malaysia, kita terpaksa

mengejar ilmu dan maklumat yang begitu pesat dikeluarkan di merata dunia terutamanya dalam zaman letusan maklumat dan era komputer ini. Segala perkembangan sains dan teknologi perubatan, ekonomi, perdagangan, perindustrian, dan politik antarabangsa yang berlaku di lapangan antarabangsa yang diperlukan untuk kemajuan negara harus diterjemahkan dengan kadar segera agar Malaysia tidak ketinggalan dalam perkembangan ilmu pengetahuan semasa. Sehubungan dengan itu, pada Julai 1981 Perdana Menteri kita, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah memperkenalkan dasar "Pandang Ke Timur". Dasar ini antara lainnya telah menyarankan kepada rakyat supaya menjadikan negara matahari terbit, Jepun, sebagai model dalam usaha memaju dan membangunkan negara. Ramai di antara anak-anak muda Malaysia yang telah dan masih terus dihantar ke Jepun untuk mempelajari berbagai bidang ilmu pengetahuan dengan harapan setelah pulang ke tanah air nanti mereka dapat memanfaatkannya sebagaimana yang telah dilakukan oleh pemuda-pemuda Jepun di zaman Meiji dahulu. Justeru itu, kini tidak hairanlah terdapat buku-buku bahasa Jepun yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia di pasaran walaupun bilangannya masih kecil.

Walaupun bagaimanapun, perlu diperkatakan di sini, bahawa pemindahan sesuatu ilmu pengetahuan menerusi penterjemahan adalah bergantung penuh kepada ketepatan sesuatu terjemahan itu. Apakah penterjemah benar-benar telah dapat menyampaikan mesej dengan betul sebagaimana

yang telah dimaksudkan oleh pengarang teks sumber. Sekiranya yang diterjemahkan itu terpesong atau tidak menepati maksud sebenar, maka terpesonglah juga ilmu yang diterima. Atau pun mungkin berlaku satu terjemahan yang sukar untuk difahami oleh pembaca sasarannya. Sebuah buku terjemahan, yang banyak mengandungi butir yang tidak atau kurang tepat ditambah pula dengan bahasa yang kabur, akan mengelirukan pembacanya dan berkemungkinan akan menyebabkan pembaca membuat tafsiran dan konsep yang salah terhadap sesuatu perkara. Oleh yang demikian kita tidak seharusnya memandang ringan penghasilan sesuatu terjemahan tanpa mengambil kira ketepatannya kerana pada hakikatnya terjemahan inilah yang merupakan perantara utama dalam penyebaran ilmu. Dan di antara perkara penting yang menentukan ketepatan sesuatu terjemahan itu adalah kebijaksanaan penterjemah memadankan makna bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Malahan menurut J.C Catford, " Padanan " adalah kata kunci dan merupakan masalah utama dalam penterjemahan. Oleh hal yang demikian, dalam kajian yang serba ringkas ini penulis akan cuba mengenengahkan permasalahan-permasalahan mencari padanan khususnya dalam terjemahan bahasa Jepun ke bahasa Melayu.

## 1.2 PENYATAAN PERMASALAHAN

### 1.2.1 Ketepatan Terjemahan

Sebelum disenaraikan beberapa permasalahan mengenai mencari padanan dalam bahagian ini, penulis perlu menjelaskan serba sedikit ciri-ciri ketepatan sesuatu terjemahan. Ini memandangkan permasalahan utama yang sebenarnya berlaku merupakan sikap para penterjemah sendiri yang tidak ingin mengambil berat terhadap ketepatan hasil terjemahan mereka, terutamanya dalam hal berkaitan mencari padanan. Dikalangan penterjemah kebanyakannya menganggap penterjemahan itu hanyalah sekadar proses mengalih atau menukarkan bahasa sumber ke bahasa sasaran.

Bila kita bertanya, " Apakah terjemahan itu betul ?", soalan ini mesti dijawab dengan satu soalan lain , " Untuk siapa ?". Di sini untuk mengukur sama ada tepat atau tidaknya satu-satu terjemahan itu mestilah ditentukan sejauh mana pembacanya boleh memahami dengan betul seperti yang dikehendaki oleh teks asal terjemahan itu.

Ainon Muhammad (1979) menyatakan dengan jelas:

**Ukuran sama ada sesuatu terjemahan itu betul atau salah ditentukan oleh pembaca yang dimaksudkan, iaitu sama ada**

**mereka memahami dengan tepat terjemahan tersebut. Dan yang dititik beratkan bukan setakat pembaca mungkin faham, tetapi supaya ia pasti faham dengan apa yang dimaksudkan dalam terjemahan tersebut.**

Ini bermakna sesuatu terjemahan yang baik dan berjaya mestilah dapat melahirkan maksud sebenar pengarang buku yang diterjemahkan dengan tepat supaya pembaca dapat memahami terjemahan itu sepenuhnya. Sebaliknya, sesuatu terjemahan dianggap kurang baik dan kurang berjaya jika terjemahan itu menyimpang daripada maksud pengarang yang sebenarnya. Atau dalam kata lainnya sesuatu terjemahan yang bermutu tinggi ialah terjemahan yang memperlihatkan ketepatan seratus peratus, iaitu terjemahan itu tidak sedikit pun menyeleweng daripada maksud sebenar pengarang buku yang diterjemahkan.

Justeru itu jugalah kita tidak boleh lagi beranggapan bahawa mengetahui dua bahasa sudah mencukupi bagi seseorang itu menjadi penterjemah. Sekadar penterjemah saja mungkin, tetapi bukanlah ukuran bagi penterjemah yang baik. Sebagaimana yang pernah dinyatakan oleh Nida (1964), bahawa pengetahuan dalam dua bahasa yang berkenaan belum tentu dapat menjamin seseorang itu menjadi penterjemah. Satu kumpulan penutur suatu bahasa mempunyai pengalaman budaya yang berbeza dengan suatu kumpulan yang lain, dan faktor perbezaan fahaman budaya inilah yang mungkin menghalang seseorang daripada menjadi

penterjemah yang baik. Seseorang yang ingin menterjemahkan sesuatu teks mestilah juga mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang cukup dalam mengalihkan bahasa. Ini bererti beliau harus dapat memahami kelainan-kelainan di antara kedua-dua struktur linguistik bahasa-bahasa yang berkenaan sepenuhnya. Dan menurut Nida lagi, seseorang penterjemah mestilah mempunyai pengetahuan yang menyeluruh dan kemas kini tentang bahasa sumbernya dan tahu akan selok belok penggunaan dan keistimewaan yang terdapat dalam bahasa itu disamping mempunyai kelengkapan yang cukup dalam mengendalikan bahasa sasarannya, sebaik-baiknya bahasa ibundanya atau bahasa yang lazim digunakan. Tugas seorang penterjemah sesuatu karya adalah dikatakan lebih sukar berbanding tugas seorang penulis karya itu. Pengarang karya hanya perlu memikirkan dan melahirkan ide melalui satu bahasa sahaja, sedangkan penterjemah karya itu perlu mentafsirkan ide dan perasaan pengarang dalam bahasa sumber dan kemudiannya memindahkan ide dan perasaan yang ditafsirkan ke dalam bahasa sasaran. Malahan kadang kala penterjemah perlu menyelami maksud pengarang yang kurang nyata dan tersirat yang seterusnya terpaksa menyesuaikan ke dalam budaya hidup dan situasi masyarakat bahasa sasaran. Nida juga turut menyenaraikan lima syarat dasar untuk seseorang menjadi seorang penterjemah. Seorang penterjemah itu mestilah mempunyai pengetahuan yang mendalam akan bahasa sumber, pengetahuan yang sama dalam bahasa sasaran, mengetahui dengan mendalam perkara yang hendak

diterjemahkan, mengetahui maksud penulis teks asal dan mempunyai keupayaan untuk membuat dan memahami berbagai-bagai ungkapan dalam sesuatu bahasa itu disamping mempunyai kesungguhan dalam membuat kerja-kerja terjemahan dan menguasai teori dan proses penterjemahan.

### 1.2.2 Permasalahan Padanan

Penterjemahan bukanlah satu proses yang mudah. Penterjemahan tidak semata-mata melihat bagaimana seseorang penterjemah dalam memadankan satu kata/frasa ke dalam bahasa sumber dengan satu kata/frasa dalam bahasa sasaran. Penterjemahan sebuah buku pendidikan daripada bahasa Jepun ke dalam bahasa Melayu bukanlah semata-mata mencari dan memadankan satu senarai kata/frasa bahasa Melayu yang seerti dengan senarai kata/frasa bahasa Jepun,

Umpamanya:

(bahasa Jepun) *Mombushou* , *Kyouiku* , *Gakkou kyouiku*

dipadankan dengan bahasa Melayu ,

**Kementerian Pendidikan, pendidikan , pendidikan formal(sekolah)**

Penterjemahan adalah satu proses yang amat kompleks, jauh lebih rumit daripada gambaran seperti yang tersebut di atas. Kerumitan proses



penterjemahan dapat diperlihatkan dalam kerja menterjemahkan ayat bahasa Jepun seperti di bawah ini:

(1) *Ano sensei wa yasashii desu.*

Ayat (1) di atas, sekiranya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu secara 'literal' atau kata demi kata, akan menghasilkan ayat terjemahan seperti berikut,

**Cikgu itu mudah/senang.**

Terjemahan di atas sebenarnya agak janggal dan kurang tepat kerana dalam bahasa Melayu kata sifat **mudah/senang** tidak digunakan untuk menerangkan sifat manusia. Apa yang kita dapati di sini penterjemah telah gagal untuk mendapatkan makna kedua bagi perkataan *yasashii* iaitu **baik hati** yang lebih bertepatan dengan konteks ayat di atas. Begitu juga halnya ketika menterjemah perkataan *sensei*, penterjemah sepatutnya tidak terus menterjemahkannya sebagai **cikgu** kerana perkataan *sensei* juga ada membawa lebih daripada satu makna iaitu selain daripada **cikgu**, *sensei* juga bermakna **pensyarah**, **doktor** dan kadang kala sebagai ganti nama panggilan untuk mereka yang dihormati. Penterjemah seharusnya terlebih dahulu mengambil kira tentang konteks penggunaannya sebelum menterjemah.

Sememang pada hakikatnya tidak semua kata dalam suatu bahasa mempunyai satu makna. Lihat saja contoh di atas, satu perkataan *sensei* saja sudah mempunyai beberapa makna. Penterjemah perlu memilih makna yang mana satukah yang berpadanan dengan makna bahasa sumber. Dan kebijaksanaan penterjemah dalam membuat pilihan atau memadankan makna inilah yang akan menentukan ketepatan sesuatu terjemahan itu. Apabila berlaku ketidaktepatan terjemahan bererti fakta yang hendak disampaikan oleh penulis teks asal tidak sampai kepada pembaca terjemahan. Ini sebenarnya merupakan satu kesalahan besar yang boleh dilakukan oleh penterjemah. Bertitik tolak dari sinilah sebenarnya bermula permasalahan utama dalam suatu penterjemahan, di mana penterjemah perlu mengambil beberapa pertimbangan dalam menentukan padanan yang sesuai.

Secara am 'padanan' (atau sesetengahnya menggunakan perkataan 'persamaan', iaitu terjemahan dari perkataan Inggeris *translation equivalent*) adalah merupakan usaha memadankan teks bahasa sasaran yang membawa maksud yang sama atau mendukung fungsi yang sama dengan unsur yang terdapat dalam bahasa sumber. Dan ketepatan sesuatu terjemahan itu bergantung rapat kepada kebijaksanaan penterjemah memilih padanan. Walau bagaimanapun perlu diketahui bahawa tugas mencari padanan bukanlah semudah merujuk kepada kamus dwibahasa

sahaja kerana untuk menentukan makna-makna perkataan saja pun sudah merupakan satu proses yang cukup sukar dan memerlukan perhitungan yang rumit.

Contohnya ketika menterjemah ayat berikut:

(2) *Kare wa onna desu.*

Terjemahan perkataan *onna* dalam ayat di atas boleh dibuat dalam dua situasi sama ada *onna* disini bermaksud sifat fizikal iaitu **perempuan** (makna denotasi) ataupun bermakna **pengecut** (makna konotasi). Di sini penyelesaian dalam mencari padanan adalah lebih tepat sekiranya kita meneliti keseluruhan ayat kerana adakalanya makna sesuatu perkataan tidak dapat dikenal pasti kecuali meneliti keseluruhan unit-unit sintaksisnya. Dalam contoh (2) di atas perkataan *kare* yang bermaksud **dia(lelaki)** membawa kepada pemilihan padanan makna *onna* sebagai **pengecut**. Walau bagaimana pun ada kalanya pemilihan padanan makna yang tepat saja belum memadai terutamanya dalam sesuatu terjemahan kreatif. Ciri-ciri estetik perlu dikekalkan, bahasa hendaklah diolah dengan penuh kesenian supaya keindahan dan daya tarikan teks tidak hilang.

Contohnya,

(3) *Hitori bochi no yoru*

lebih elok sekiranya diterjemahkan menjadi,

**di malam aku bersendirian**

daripada

**di malam aku seorang diri**

Seperkara lagi yang sering menjadi masalah besar dalam mencari padanan ialah apabila sukar untuk mendapatkan padanan yang benar-benar tepat dalam bahasa sasaran yang sama maknanya dalam bahasa sumber. Penulis sendiri pernah mengalaminya ketika ingin menterjemahkan ungkapan bahasa Jepun berikut:

*(4) Hajimemashite, Douzo yoroshiku*

Ungkapan ini sebenarnya diucapkan oleh orang-orang Jepun apabila bertemu dengan seseorang buat pertama kalinya dengan tujuan untuk berkenalan. Sekiranya diterjemahkan secara literal,

<i>hajimemashite</i>	bermaksud	<b>memulakan</b>
<i>douzo</i>	bermaksud	<b>silalah</b>
<i>yoroshiku</i>	bermaksud	ungkapan yang diucapkan apabila meminta pertolongan atau ketika berkirim salam.

Oleh kerana agak sukar untuk mendapatkan ungkapan yang benar-benar tepat dan sama dalam bahasa Melayu, cukuplah sekadar memberi padanan ungkapan yang terdekat tetapi membawa fungsi yang sama, iaitu :

**Apa khabar, selamat berkenalan.**

Sebenarnya adalah salah sekiranya kita beranggapan bahawa padanan yang telah dicari itu adalah tepat dan sama maknanya kerana sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Neubert (1990:212) :

**Kata-kata dalam dua bahasa tidak pernah sama atau jarang sekali sama, sememangnya kebenaran hakiki yang sudah lama wujud.**

Walaupun sememangnya suatu padanan terjemahan harus "mempunyai makna yang sama" dengan kata asalnya, tetapi makna adalah milik penutur suatu bahasa. Ini bererti suatu teks bahasa sumber mempunyai makna tersendiri bagi penutur bahasa sumber, dan suatu teks bahasa sasaran mempunyai makna tersendiri bagi penutur bahasa sasaran. Justeru itu adalah lebih sesuai bila dikatakan bahawa padanan terjemahan ialah padanan simbol linguistik yang paling hampir dalam bahasa sasaran bagi simbol linguistik bahasa sumber, samada pada peringkat kata, ayat, wacana atau teks.

Berlainan pula halnya apabila kita ingin menterjemah ayat seperti contoh berikut:

(5) *Umi wa midori desu*

Dalam contoh (5) di atas, perkataan *umi* bermaksud **laut**, sementara perkataan *midori* pula bermaksud **hijau**. Kedua-dua perkataan ini membawa hanya satu makna sahaja, atau dalam kata lainnya mempunyai padanan satu lawan satu. Dan berkemungkinan akan diterjemahkan seperti berikut:

### **Laut kehijauan**

Sekiranya dilihat dari aspek tatabahasa dan logik, terjemahan di atas tiada silapnya. Cuma ia akan agak janggal apabila pembaca teks sasarannya adalah di kalangan orang Melayu, kerana mengikut cara pemikiran orang Melayu, warna untuk laut ialah biru bukannya hijau seperti anggapan orang Jepun (lautannya nampak kehijauan kerana lebih dalam). Oleh yang demikian adalah lebih tepat jika terjemahan di atas diterjemahkan sebagai **laut kebiruan**. Ia akan lebih bersesuaian dan selari dengan dunia bahasa sasaran.

Perkara ini pernah di ketengahkan oleh J.C Catford (1965:42), katanya:

**Dalam terjemahan , yang dicari bukanlah bentuk yang sama (formal correspondence), melainkan padanan (equivalence). Dan padanan haruslah cocok dengan dunia bahasa sasaran. Kalau tidak yang terjadi bukanlah penterjemahan melainkan pemindahan (transference).**

Ini bermakna sebagai seorang penterjemah, kita tidak seharusnya secara melulu dan membuta tuli menterjemah teks asal seratus peratus kerana perkara-perkara seperti keadaan politik, cara berfikir, pandangan hidup dan budaya penutur bahasa serta bentuk bahasa tersebut mesti juga diperhitungkan demi menghasilkan terjemahan yang lebih tepat dan asli. Disamping itu pengetahuan dan pandangan dunia tentang latar belakang budaya dan persekitaran teks yang diterjemahkan juga tidak boleh dipandang ringan kerana dengan pengetahuan yang cetek mengenainya dapat menimbulkan permasalahan dalam terjemahan. Misalnya di antara ciri-ciri khas yang terdapat dalam bahasa Jepun yang sering disalah anggap oleh penutur bahasa lain ialah ungkapan *hai* yang selalu diucapkan oleh orang Jepun dalam perbualan dan sering disalah tafsirkan sebagai **ya** oleh penutur bahasa asing. Maksud sebenarnya ungkapan *hai* dalam konteks perbualan ialah **saya dengar** atau **saya faham** untuk

menunjukkan tanda hormat dalam komunikasi verbal antara satu sama lain (Suraiya Mohd Ali, 1994). Seseorang penterjemah yang baik seharusnya dapat mengesan persamaan atau kelainan yang ada pada kedua-dua budaya (bahasa sumber dan bahasa sasaran) terlibat.

Kadangkala juga kita dapati bahawa mutu yang rendah atau ketepatan terjejas dalam sesuatu terjemahan disebabkan penterjemah tidak mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang ilmu yang diterjemahkan itu terutamanya dalam penterjemahan teks ilmiah. Hanya dengan memahami sesuatu bidang atau perkara itu dengan mendalam dapatlah sesuatu informasi itu dipindahkan dengan tepat dari satu bahasa ke satu bahasa yang lain. Ini adalah kerana setiap bidang mempunyai laras bahasanya yang tersendiri. Laras bahasa ialah kata-kata yang digunakan dengan pengertian khusus di bidang itu sahaja. Kata-kata itu juga digunakan dibidang-bidang lain tetapi dengan makna yang berlainan di antara satu bidang dengan bidang yang lain. Laras bahasa menentukan makna sesuatu kata dalam situasi tertentu.

Contohnya:

(6) *Hito ban yasumasete kudasai.*

Mungkin kita akan terus menterjemahkannya sebagai, **biarkan ia(merujuk kepada manusia) rehat semalaman.** Tetapi sekiranya ayat ini kita dapati



dari buku resepi masakan, sudah pasti bermaksud **biarkan ia (merujuk kepada tepung yang sudah diuli) semalaman**. Oleh kerana itu adalah lebih baik bagi penterjemah mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang teks yang ingin diterjemahkan itu, ataupun sekurang-kurangnya biasa dan memahami akan laras bahasa bidang tersebut.

Dalam proses penterjemahan juga kita pasti akan mendapati satu bahasa lebih tepat dalam satu keadaan dan kurang tepat dalam satu keadaan yang lain. Misalnya, perkataan *imoto* dan *ototo* (bahasa Jepun) yang mempunyai pengistilahan yang lebih tepat bagi perkataan **adik** dalam bahasa Melayu iaitu *imoto* untuk **adik perempuan** sementara *ototo* untuk **adik lelaki**. Sebaliknya untuk kata sifat **pedas** dan **masin** (bahasa Melayu) hanya diistilahkan sebagai *karai* dalam bahasa Jepun. Situasi yang sebegini juga sebenarnya turut menyumbang permasalahan dalam mencari padanan penterjemahan.

Apa yang dapat diperhatikan dalam contoh-contoh yang telah diberi, padanan penterjemahan itu adalah pemilihan kata yang betul dalam bahasa penerima untuk menterjemahkan kata dalam bahasa sumber bergantung kepada konteksnya, dan bukan setakat menggantikan sesuatu kata dalam bahasa sumber dengan kata lain yang selaras dalam bahasa sasaran. Ini adalah kerana makna sesuatu kata itu luas dan tidak khusus, dan kata-kata yang serupa mungkin mempunyai bidang makna yang tidak

sama dalam bahasa-bahasa lain, atau dalam konteks yang berbeza. Disamping itu secara umumnya, dapat dianggap bahawa untuk mendapatkan hasil terjemahan yang terbaik seseorang penterjemah itu bukan sahaja harus mengetahui bahasa dan cara menterjemahkan unsur daripada satu bahasa kepada bahasa lain, tetapi mesti juga mengembangkan fikiran dan perasaan dalam dua situasi budaya yang meliputi bidang-bidang seperti politik, agama, sosial serta goeografi dan sejarah. Seperti yang pernah di perkatakan oleh Robert Lord(1966) bahawa,

**Real translation takes into account every subtle difference of language and style, as well as outlook, social, tradition and the total extent of the human fabric of people from whose the translation is being made.**

## **1.2 OBJEKTIF KAJIAN**

Perbincangan mengenai permasalahan penterjemahan sebenarnya adalah perbincangan mengenai permasalahan padanan. Padanan merupakan kata kunci dalam penterjemahan yang tidak seharusnya dipandang ringan. Pemilihan padanan yang betul dan bersesuaian dengan konteks penggunaannya akan menghasilkan penterjemahan yang lebih tepat dan

bermutu tinggi. Bertitik tolak dari kesedaran inilah, maka dalam kajian yang serba ringkas ini, penulis cuba mengengahkan persoalan padanan, khususnya dalam penterjemahan bahasa Jepun ke bahasa Melayu yang dirasakan masih baru di arena penterjemahan di negara kita. Kajian ini akan dibuat berdasarkan beberapa objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti ciri-ciri permasalahan padanan dalam penterjemahan kata nama khususnya dalam penterjemahan bahasa Jepun ke bahasa Melayu. Seterusnya penulis juga ada mengutarakan cadangan padanan serta pendekatan-pendekatan yang dapat digunakan untuk mengatasi permasalahan padanan tersebut.
2. Cadangan padanan yang telah diutarakan itu kemudiannya akan dibandingkan dengan hasil soal-selidik terjemahan (terjemahan sampel-sampel dalam kajian) yang telah dilakukan ke atas 6 orang pensyarah yang berpengalaman dari Unit Bahasa Jepun, Pusat Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Ini adalah sebagai salah satu usaha penulis untuk mengukuh dan menyakinkan lagi dapatan kajian ini.
3. Melihat perbezaan pendekatan-pendekatan yang digunakan dalam dua karya yang sama jenis, iaitu novel karya kreatif tetapi mempunyai dua gaya penulisan yang berlainan, iaitu gaya novel popular dan gaya karya kesusasteraan.

4. Melihat perbezaan pendekatan-pendekatan yang digunakan dalam mencari padanan mengikut jenis-jenis kata nama. Misalnya pendekatan yang digunakan untuk mencari padanan kata nama khas berbeza dengan pendekatan yang digunakan untuk mencari padanan kata nama am.
5. Melihat sekiranya terdapat perbezaan-perbezaan pendekatan yang digunakan oleh informan-informan berdasarkan jenis novel dan jenis-jenis kata nama seperti mana yang dapat dilihat dalam kajian ini.
6. Melihat sejauh mana peranan konteks dalam menangani permasalahan padanan khususnya dalam padanan kata nama.

### **1.3 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini khususnya tertumpu kepada penyelesaian terhadap permasalahan-permasalahan padanan kata nama dalam penterjemahan teks bahasa Jepun ke bahasa Melayu. Penyelesaian dengan mengutarakan padanan kata nama akan dibuat menggunakan pendekatan-pendekatan yang berlandaskan aspek konteks.

Kajian ini difikirkan penting kerana hasil dapatan kajian akan dapat memberi sedikit garis panduan tentang satu aspek yang penting dalam penterjemahan iaitu pemilihan padanan yang betul dan bersesuaian. Ia

juga akan memberi gambaran sebenar peranan konteks dalam membawa pilihan padanan yang tepat dan seterusnya akan membawa kepada penghasilan terjemahan yang berkualiti.

Selanjutnya diharapkan agar kajian ini dapat megalakkan para penterjemah khususnya penterjemah bahasa Jepun-bahasa Melayu mengambil berat mengenai peranan konteks semasa membuat pemilihan padanan dalam terjemahan mereka. Kegagalan mereka menggunakan konteks dalam pemilihan padanan akan menyebabkan hasil terjemahan mereka terpesong dan kadangkala mesej yang ingin disampaikan tidak menepati seperti mana teks asalnya.

Dengan adanya kajian ini juga diharapkan akan dapat membantu para penterjemah untuk menghasilkan terjemahan yang berkualiti dan dinamis bertepatan dengan tujuan asalnya iaitu sebagai perantara memindahkan mesej daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran.

#### **1.4 BATASAN KAJIAN**

Secara umumnya, kajian ini akan menumpukan penyelesaian padanan yang menggunakan pendekatan-pendekatan berdasarkan konteks, agar teks terjemahan yang dapat dihasil akan mencapai tahap ketepatan yang maksima. Walau bagaimanapun, kajian ini akan menumpukan penyelesaian padanan yang berpandukan kepada ciri-ciri padanan yang

telah digariskan oleh E.A Nida (1969), E.A Nida telah mendefinisikan penterjemahan sebagai penyalinan semula maklumat ke dalam bahasa sasaran daripada bahasa sumber dalam bentuk persamaan(padanan) terdekat dan sejadi: pertama dari segi maknanya dan kedua dari segi stailnya. Definisi ini seterusnya telah mengutarakan enam aspek penting dalam teori terjemahan. Aspek-aspek yang dimaksudkan ialah (1)penyalinan semula maklumat, (2)persamaan(padanan), bukan keserupaan, (3)persamaan(padanan) sejadi, (4)persamaan(padanan) terdekat, (5)keutamaan makna, dan (6)kepentingan gaya.

Sebagai rujukan penulis juga akan mengambil kira strategi-strategi yang telah disarankan oleh Mashudi Kadir dan Low Bee Eng (1993) dalam penyelesaian padanan iaitu (1)pemindahan konsep dan semestinya bersesuaian dengan simbol linguistik bahasa sasaran, (2)sebaik-baiknya padanan satu lawan satu, (3)sekiranya tiada keadaan(2) di atas, penyelesaian berdasarkan konteks, (4)padanan yang dinamis.

Disamping itu juga, kajian ini akan menumpukan penyelesaian padanan dalam 2 karya kreatif (novel) yang memuatkan dua gaya penulisan yang berbeza, iaitu novel *Hatsukoi* dan novel *Hyaku Ikkai Me no Puropousu*. *Novel Hayaku Ikkai Me No Puropousu* karya Shinji Nojima(1991) merupakan sebuah novel popular, diadaptasikan dari siri drama popular yang pernah disiarkan di televisyen. Novel ini diterbitkan setelah mendapat sambutan penonton yang begitu menggalakkan. Justeru itu, gaya penulisannya lebih ringkas, mudah difahami dan kebanyakannya terdiri

daripada dialog-dialog pendek. Berlainan dengan novel *Hatsukoi* karya *Tatsuya Yoshimura*(1992), adalah sebuah novel yang kebanyakannya terdiri daripada ayat-ayat yang menerangkan keadaan dan mempunyai teknik penulisan yang lebih cenderung kepada gaya kesusasteraan.

Kajian ini hanya menumpukan kepada karya kreatif sahaja kerana permasalahan padanan sering berlaku dalam teks-teks yang berbentuk kreatif. Dalam karya kreatif bahasa-bahasa yang digunakan biasanya penuh dengan nilai-nilai estetik, yang kebanyakannya mengutarakan sesuatu makna secara tidak terus, atau dalam kata lainnya, kata/frasa yang digunakan mengandungi makna-makna yang tersirat (berkonotasi) . Pemilihan teks-teks ini akan memberi gambaran yang lebih jelas kepada kita tentang kepentingan konteks dalam pemilihan padanan yang seterusnya akan membawa kepada hasil terjemahan yang tepat.

## **1.5 METODOLOGI KAJIAN**

Usaha mencari padanan kata nama yang sesuai dalam kajian ini didasarkan pada beberapa tanggapan dan strategi seperti berikut:

1. Mencari padanan kata yang membabitkan pemindahan konsep daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran; dan setelah konsep berpindah, label atau simbol linguistik yang sesuai bagi konsep itu dalam bahasa sasaran perlu dicari.

2. Padanan yang sebaik-baiknya ialah padanan satu lawan satu antara simbol yang terdapat dalam teks sumber dengan simbol terjemahannya dalam teks sasaran; sekiranya X ialah kata di dalam teks sumber, maka padanannya ialah Y di dalam teks sasaran dan sekiranya Y ialah kata dalam teks sasaran, maka padanannya ialah X di dalam teks sumber nanti.

3. Sekiranya keadaan dalam (2) tidak dapat dicapai, maka padanan berdasarkan konteks akan diutamakan dan bukannya padanan perkataan demi perkataan.

4. Padanan yang dicari akan mengutamakan **padanan dinamis (dynamic equivalence)** di mana ia lebih mementingkan emik (misalnya kesesuaian mesej dan kesesuaian dari segi situasi sosial dan budaya) bahasa sasaran daripada **padanan formal (formal equivalence)** di dalam teks sumber (Nida, 1964).

Strategi-strategi di atas adalah berpandu kepada strategi-strategi yang telah digunakan oleh Mashudi Kadir dan Low Bee Eng dalam makalah tulisan mereka yang bertajuk "Padanan dan Penyelesaian: Penterjemahan Kata Namaan" yang dipetik dari Jurnal Dewan Bahasa terbitan Julai 1993.